

**BAB 2**  
**HASIL KARYA ABU BAKAR**

## BAB 2

### HASIL-HASIL KARYA ABU BAKAR

#### 1.0 PENDAHULUAN

Sejak abad pertama hijrah hingga sekarang, ratusan ribu karya/kitaab agama dihasilkan oleh ulama-ulama Islam seluruh dunia. Budaya menulis ini turut diikuti oleh ulama Alam Melayu sejak mereka mengenali Islam sehinggalah ke hari ini<sup>1</sup>. Penulisan Islam yang dilakukan oleh tokoh-tokoh ulama Alam Melayu adalah serentak dengan kedatangan Islam ke rantau ini. Bila dan siapa yang memulakannya dari kalangan ulama Alam Melayu, sehingga kini belum diketahui secara pasti.<sup>2</sup> Walau bagaimanapun, apa yang pasti ialah para ulama mendapat galakan daripada pemerintah ketika itu seperti pemerintah di Perlak, Pasai, Aceh, Melaka, Riau dan lain-lain negeri di Nusantara<sup>3</sup>.

Kegemaran menulis atau berkarya timbul hasil inspirasi ajaran agama Islam sendiri. Islam menyarankan agar ilmu disebarikan dan dimanfaatkan oleh masyarakat. Oleh itu, berlaku budaya menyalin, menterjemah dan menyadur karya-karya asing terutamanya daripada bahasa Arab. Walau bagaimanapun, aktiviti penulisan buku-buku agama di Alam Melayu secara meluas hanya

---

<sup>1</sup> Mahayudin Hj. Yahaya (1994), *Naskah Jawi Sejarah Dan Teks Jilid 1*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. hlm. 16

<sup>2</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1996), "Manuskrip Islam Dunia Melayu Ditinjau Dari Pelbagai Peringkat" dlm. Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990-1996), *Koleksi Kertas Kerja Ilmiah Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah*, Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, hlm 1

<sup>3</sup> Mahayudin Hj. Yahaya (1994), *op.cit.* hlm. 16

bermula pada abad ke-17M. di Aceh. Setelah itu aktiviti ini merebak ke seluruh negeri di Alam Melayu<sup>4</sup>.

Budaya berkarya terus berlaku di kalangan ulama Alam Melayu termasuk ulama-ulama Kedah. Namun hasil karya ulama Kedah tidak sebanyak karya yang dihasilkan oleh ulama Aceh dan Patani<sup>5</sup>. Tetapi pada akhir abad ke-20, muncul seorang ulama di Utara Semenanjung iaitu Abu Bakar Palestin yang meneruskan tradisi ulama-ulama terdahulu. Beliau boleh dianggap di antara ulama Alam Melayu akhir abad ke-20 yang paling banyak mengarang. Ketokohan beliau dalam bidang penulisan boleh menyaingi ketokohan Hussain bin Muhammad Nasir atau lebih dikenali dengan Tuan Hussain Kedah (1936-1963) yang menghasilkan 18 buah kitab<sup>6</sup>. Abu Bakar pula menghasilkan tidak kurang daripada 40 buah karya/kitab dalam pelbagai bidang ilmu Islam.

## 2.0 SIFAT TEKS

Karya Abu Bakar kebanyakannya masih dalam bentuk manuskrip (*manuscript*)<sup>7</sup> yang dibuat salinan fotokopi<sup>8</sup>. Daripada sejumlah 29 buah teks karya Abu Bakar

---

<sup>4</sup> *ibid*, hlm. 17-18

<sup>5</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1998). "Hubungan Ulama Patani dan Kedah : Kekeluargaan, Pertalian Ilmu dan Karya" dlm. Mohd. Nor Salleh dan Abdul Halim Haji Salleh (1998), *Islam di Kedah Darul Aman, Dokumentasi : Konvensyen Sejarah Kedah Darul Aman Kedua*, Alor Setar : Majlis Kebudayaan Negeri Kedah. hlm. 101

<sup>6</sup> Shukri Ahmad (2001), "Pendekatan Karya Ulama Tradisional di Kedah: Tumpuan kepada karya-karya Jawi Tuan Guru Haji Palestin, Hanafiah Taib al-Qadhi (1908-1998M)" dlm. *Jurnal Usuluddin* Bil. 13, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, universiti Malaya, hlm. 104

<sup>7</sup> Dalam Bahasa Arab disebut "*makhtūtār*". Karya yang belum dicetak disebut "naskah". Dalam Bahasa Melayu "manuskrip" atau "*makhtūtār*" biasa disebut dengan "naskah tulisan tangan". Lihat: Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1996), *op.cit*, hlm.1

<sup>8</sup> Menurut Haji Mahyuddin (anak murid) Abu Bakar pernah berurusan dengan syarikat-syarikat percetakan untuk mencetak kitab-kitab tulisan beliau. Tetapi masa yang diambil oleh pencetak agak lama kerana terpaksa menaip semula tulisan beliau. Ekoran daripada itu Abu Bakar lebih suka karya beliau difotostat kerana proses ini lebih mudah dan cepat.

yang berjaya dikumpul, 15 buah daripadanya masih dalam bentuk manuskrip. Hanya 8 buah sahaja yang sudah dicetak<sup>9</sup>.

Teks karya Abu Bakar menampilkan sedikit pembaharuan dan perubahan jika dibandingkan dengan sesetengah karya kitab jawi yang lain terutama dari segi mencatatkan nama pengarang dan tarikh penghasilan karya. Jika ditinjau pada naskah kitab jawi, didapati sesetengah pengarang tidak menyatakan dengan jelas nama pengarang dan kadang-kadang tidak menyatakan langsung nama pengarang.<sup>10</sup> Misalnya, karya terjemahan kitab *Matan Jawharah al-Tawhīd* oleh Ibrāhīm al-Laḡānī. Kitab tersebut tidak menyatakan dengan jelas nama penterjemah tetapi hanya mencatatkan “telah diterjemahkan dia oleh seorang ulama jawi dengan bahasa Melayu, *Jaza Allāh Muallifaihuma Khaira*”<sup>11</sup>. Keadaan ini tidak berlaku pada karya Abu Bakar kerana beliau selalu menulis pada kulit kitab nama beliau dengan jelas. Misalnya tertera pada kitab *al-Faṭḥ al-Rabbānī*:

Inilah Kitab al-Faṭḥ al-Rabbānī syarah Bakūrah al-Amālī susunan faqir lagi haqir Abu Bakar bin Haji Hanafiah bin Haji Taib bin Haji Ismail bin Ahmad al-Qadahi al-Māliziē....<sup>12</sup>

Para pengkaji menghadapi masalah ketika mengkaji sesetengah kitab jawi untuk mengenal pasti tarikh sesuatu karya dihasilkan. Nama dan tarikh amat penting dalam mengkaji sesuatu naskah kerana ia akan menjelaskan aliran pemikiran penulis dan suasana ketika itu. Sesetengah penulis kitab jawi tidak menganggap

<sup>9</sup> Usaha mencetak dan menerbitkan “kitab jawi” telah bermula pada akhir abad ke-19 M. yang diusahakan oleh kerajaan Turki Uthmaniyah dengan bantuan ulama Melayu yang berada di Makkah seperti Syaikh Ahmad bin Zayn al-'Abidin al-Fatani. Kitab-kitab tersebut dicetak di Istanbul, Mesir dan Makkah. Pada abad ke-20 kitab jawi mula dicetak di Pulau Pinang. Lihat: Mahayudin Hj. Yahaya (1994), *op.cit.*, hlm. xvi

<sup>10</sup> Mahayudin Haji Yahaya (2000), *Karya Klasik Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 14.

<sup>11</sup> Ibrahim al-Laḡānī (t.t) *Matan Jawharah al-Tawhīd*, Pulau Pinang: Maktabah wa Matba'ah Dār al-Ma'ārif. Kulit kitab.

<sup>12</sup> Abu Bakar (t.t). *al-Faṭḥ al-Rabbānī*, manuskrip, hlm. kulit

tarikh itu penting. Apa yang paling penting bagi mereka ialah isi kandungannya.<sup>13</sup> Perkara ini tidak berlaku pada karya Abu Bakar kecuali pada beberapa buah karya sahaja seperti *Qutt al-Muhtāj fi Qissah al-Isrā' wa al-Mi'rāj, Sabīl al-Itiqādīyyāh*. Kedua-dua karya ini hanya menyatakan nama sahaja tetapi tidak dinyatakan tarikh. Walau bagaimanapun, hampir ke semua karya Abu Bakar ditulis dengan jelas tarikh mula dan tarikh tamat. Bahkan pada sesetengah karya, ditulis hari dan masa mula dan tamat mengarang sama ada pagi atau petang. Ini dapat dilihat pada kitab *Syarḥ al-'Aqīdat al-Ṣaḥīḥah*:

Telah selesai kitab *Syarḥ al-'Aqīdat al-Ṣaḥīḥah* fi Bayān al-Firq al-Nājiyah. Mula menulisnya [pada] hari Ahad 25 Dhū al-Hijjah 1414 hijrah bersamaan 5 Jun 1994 dan selesainya pada subuh hari Jumaat 7 Muharram 1415 Hijrah bersamaan 17 Jun 1994 Masihi....<sup>14</sup>

Selain itu, kesemua karya Abu Bakar ditulis sendiri oleh beliau seperti yang ditegaskan oleh isteri beliau, Hajah Zainab<sup>15</sup> dan bukan tulisan anak muridnya atau orang lain seperti yang berlaku pada sesetengah manuskrip klasik. Tulisan Abu Bakar adalah jelas, kemas dan cantik dengan susunan perenggan yang teratur. Manakala *Khat* yang digunakan adalah *khat raq'ah*. Secara amnya manuskrip ini mudah dibaca.

Berkenaan tajuk karya, Abu Bakar biasanya memilih tajuk dalam bahasa Arab seperti yang dilakukan secara tradisi oleh ulama-ulama Alam Melayu yang lain. Para ulama selalu meletakkan nama kitab mereka dalam bahasa Arab<sup>16</sup>. Antara nama-nama kitab Abu Bakar ialah *Jam' al-Lālī bi Tawḍīḥ Manzūmah Bada' al-Amālī, Bidāyat al-'Ābidīn hiyā Ma'rifah Allāh Rabb al-'Ālamīn, al-Faṭḥ al-*

<sup>13</sup> Mahayudin Hj. Yahaya (2000), *op.cit.* hlm. 17

<sup>14</sup> Abu Bakar (t.t), *al-Aqīdat al-Ṣaḥīḥah*, manuskrip, hlm. 42

<sup>15</sup> Temuramah dengan Hajah Zainab pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam.

<sup>16</sup> Mahayudin Hj. Yahaya (2000), *op.cit.* hlm. 17

*Rabbānī Syarḥ Bakūrah al-Amālī* (akidah), *Risālat al-Nūr*, *Ḥikām Ibn Madyān*, *Risālat Qutt al-Sālikīn ilā Allāh Rabb al-‘Ālamīn*, *al-Mudhākarah ma‘ā al-Ikhwān wa al-Muḥādathah ma‘a al-Aṣḥāb al-Rāghibīn fi Fannī al-‘Urfān*, *Kitāb Irsyād al-Muta‘abbidīn*, *al-Kasyf wa Tabyīn fi Ghurūr al-Khalqī Ajma‘īn* (tasawuf) *I‘ānat al-Muṣallī* ( fekah dan tasawuf) *Tadhkirat al-Muṣallī* , *Kitab Ibādat al-Nājiyāh bi itbā‘ al-Sunnah Sayyid al-Khalqī Ajmaīn*. (fekah) *Nūr al-Ṣafā fi akhbār al-Muṣtafā*, *Qutt al-Muḥtāj fi Qissah al-Isrā’ wa al-Mi‘rāj*, *Busyrā al-Labīb fi Bayān Sirah al-Ḥabīb* (sirah) *Arba‘īn li al-Nabhāniyyah*, *Miṣbāḥ al-Ḍalām wa Bahjah al-Anām* (hadith).

Dari segi format teks pula, Abu Bakar masih kuat terikat dengan format yang biasa digunakan oleh ulama-ulama Alam Melayu sebelumnya. Beliau memulakan mukaddimah karya dengan puji-pujian kepada Allah dan salawat serta salam kepada baginda Rasulullah. Mukaddimah kitab ini adalah dalam bahasa Arab dan kemudiannya diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Selepas itu, dimulakan dengan kata-kata: *ammā ba‘d adapun selepas daripada itu....* atau *wa ba‘d adapun kemudian dari itu.....* seterusnya disebut nama kitab iaitu nama yang diberikan oleh beliau sendiri. Kadang-kadang dijelaskan secara ringkas latar belakang kitab<sup>17</sup> yang dihuraikan.

Manakala rupa kulit kitab pula adalah ringkas sahaja. Tiada ilustrasi atau kerawang yang menarik tetapi hanya mengandungi tulisan khat yang menghampiri *khat raq‘ah* yang menjelaskan nama kitab dan penulis asal dan juga nama Abu Bakar serta nasab keturunannya. Selain itu, dinyatakan juga sama ada

---

<sup>17</sup> Abu Bakar, (t.t) *Sabīl al-‘Iṭiqādiyyāh*, manuskrip, hlm.1

sebagai penyusun (pengarang) atau pengalih bahasa (penterjemah). Kemudian diakhiri dengan doa mohon keampunan daripada Allah untuk pengarang. Sungguhpun begitu, Abu Bakar dilihat cuba untuk mengindahkan kulit kitab seperti mana yang berlaku pada naskah-naskah kitab jawi atau Arab. Beliau selalu menyusun tulisan bermula dari baris pertama yang lebih panjang ke baris di bawahnya yang semakin pendek sehingga membentuk V.

Berkenaan kandungan karya, Abu Bakar biasanya memulakan dengan mukaddimah yang agak ringkas sahaja, kurang daripada setengah muka surat. Selepas pendahuluan, disambung dengan menghuraikan isi atau mensyarah *matan* pada muka surat yang sama juga. Gaya penghuraian isi dimulakan dengan memetik kata-kata ulama seperti *kata Imam Abū Hanīfah Raḥimah Allāh...*<sup>18</sup> atau *matan* yang akan dihuraikankan seperti *berkata Syeikh Ismail Fatāni Raḥimah Allāh...*<sup>19</sup>

Manakala pada penutup kitab, biasanya dijelaskan tarikh mula menulis kitab itu dan tarikh akhir kitab itu disiapkan. Pada sesetengah kitab dicatatkan juga nama-nama kitab karangan Abu Bakar atau "*al-Kutūb li al-Muallif*"<sup>20</sup>. Namun begitu, tiada sebuah pun kitab-kitab karangan Abu Bakar yang mempunyai daftar isi kandungan dan senarai kitab rujukan.

---

<sup>18</sup> Abu Bakar (t.t) *Terjemahan al-Fiqh al-Akbar*, manuskrip, hlm. 2

<sup>19</sup> Abu Bakar (t.t) *al-Fath al-Rabbāni*, manuskrip, hlm. 2

<sup>20</sup> Lihat: Abu Bakar (t.t), *Sabīl al-'Itiqādiyyah*, manuskrip, hlm.36. *idem*, (t.t) *Sahl al-Murīd*, manuskrip, hlm. 35. Dari catatan tersebut penyelidik berupaya mengesan kebanyakan hasil karya Abu Bakar walaupun ada di antara karya-karya tersebut tidak ditemui naskahnya.

Berkenaan dengan kertas yang digunakan, Abu Bakar biasanya menulis di atas kertas yang bergaris seperti kertas “*examination pad*”. Garisan kertas tersebut dapat dilihat dengan jelas. Saiz kertas adalah A4 dari jenis “*simili*” .

Berkenaan jumlah muka surat sesuatu karya Abu Bakar adalah tidak menentu. Sesetengah karya beliau sekitar 20 muka surat sahaja tetapi sesetengahnya pula mencapai lebih 200 muka surat. Kebanyakan karya beliau dalam satu jilid sahaja kecuali beberapa buah kitab seperti kitab *Busyrā al-Labīb fi bayān sīrah al-Ḥabīb* (2 jilid). Kitab yang paling tebal ialah kitab hadith *Miṣbāḥ al-Zalām wa Bahjah al-Anām* iaitu setebal 262 muka surat dan bercetak. Manakala kitab yang paling nipis pula ialah sebuah kitab hadith iaitu *Arbaʿin li Nabḥānīyah* yang hanya mempunyai 19 muka surat sahaja. Berdasarkan 23 daripada 40 naskah yang diteliti, jumlah muka surat naskah adalah seperti berikut:

Jadual 2.1 : Jumlah Muka Surat Karya

Bilangan Muka Surat	Jumlah kitab
20 ke bawah	1
Antara 21 hingga 30	2
Antara 31 hingga 40	2
Antara 41 hingga 50	2
Antara 51 hingga 60	5
Antara 61 hingga 70	1
Antara 71 hingga 80	1
Antara 81 hingga 90	3
Antara 91 hingga 100	1



Antara 101 hingga 110	2
Antara 111 hingga 120	-
Antara 121 hingga 130	-
200 ke atas	3
Jumlah Keseluruhan	23

Dapat disimpulkan, sifat teks karya Abu Bakar menunjukkan bentuk teks manuskrip Abu Bakar masih terikat dengan bentuk dan gaya teks kitab jawi tradisional ulama Alam Melayu yang terdahulu. Walau bagaimanapun, Abu Bakar telah cuba membuat beberapa perubahan dan pembaharuan kecil seperti menyatakan dengan jelas tarikh sesuatu karya itu dihasilkan.

### 3.0 KARYA-KARYA ABU BAKAR DALAM SEMUA BIDANG

Hasil karya Abu Bakar tidak kurang daripada 40 buah. Walau bagaimanapun, penyelidik hanya dapat menemui sebahagian sahaja iaitu sebanyak 23 buah. Maklumat keseluruhan hasil karya Abu Bakar diperolehi melalui catatan Abu Bakar sendiri yang biasanya di catatkan pada akhir kitab. Catatan paling lengkap mengenai keseluruhan hasil karya beliau ialah pada akhir kitab *Sabīl al-I'tiqādiyyāh*.

Agak sukar untuk menentukan jumlah sebenar hasil karya Abu Bakar. Ia memerlukan suatu kajian lanjut. Sungguhpun begitu, Abu Bakar secara pasti telah menghasilkan sekurang-kurangnya 40 buah karya dalam beberapa disiplin ilmu

Islam.<sup>21</sup> Lima disiplin ilmu Islam yang menjadi tumpuan utama Abu Bakar ialah akidah, fekah, tasawuf, sirah dan hadith. Selain itu, Abu Bakar juga menulis mengenai politik<sup>22</sup>.

Untuk mendapatkan karya-karya Abu Bakar, penyelidik memperolehinya dengan dua cara. Pertama, membeli di kedai buku yang dikendalikan secara kecil-kecilan di rumah Hajjah Asmahan, anak sulung Abu Bakar. Kedua, diperolehi daripada simpanan anak-anak murid beliau di Pondok Ayer Hitam. Namun begitu, tiada seorompokun daripada kalangan anak murid beliau yang menyimpan semua koleksi hasil karya Abu Bakar. Oleh itu, penyelidik terpaksa mencari dan mengumpulkannya daripada beberapa orang anak murid Abu Bakar. Tumpuan diberikan kepada anak murid yang telah lama belajar dengan beliau. Di antara mereka ialah pasangan Haji Mahyudin b. Ahmad dan Hajjah Rahmah bt. Mohd. Amin. Mereka masih menyimpan kebanyakan karya Abu Bakar.

Dalam penelitian penyelidik, Abu Bakar mula berkarya sejak tahun 1970 atau lebih awal lagi. Kitab *al-Wahīd* adalah dipercayai karya pertama beliau. Kitab ini ditulis pada tahun 1970. Penyelidik tidak bertemu sebarang karya beliau yang lebih awal daripada tahun tersebut. Jika rekod ini benar, bererti Abu Bakar mula berkarya pada usia 62 tahun.<sup>23</sup> Karya kedua beliau kitab *I'ānat al-Muṣallī* dalam bidang fekah yang ditulis pada tahun 1971.

---

<sup>21</sup> Shukri Ahmad dalam penemuan awal mengatakan Abu Bakar mengarang "lebih daripada dua puluh buah kitab dalam pelbagai disiplin ilmu Islam meliputi sejarah Islam, fekah, tasawuf, tauhid, sejarah, hadith dan politik". Lihat : Shukri Ahmad (2001), *op.cit*, hlm. 104

<sup>22</sup> Shukri Ahmad (2001), *ibid*, hlm. 104. Menurut rekod Shukri, Abu Bakar pernah menulis dua buah kitab politik Islam iaitu *Panduan Islam* dan *Pancarana Islam* tanpa dinyatakan maklumat lanjut mengenainya.

<sup>23</sup> Dengan andaian beliau lahir pada 1908 dan meninggal pada 1998. Tarikh ini digunakan oleh Shukri Ahmad. Lihat: *ibid*, hlm. 103.

Dalam bab ini, penyelidik akan menyentuh semua hasil karya Abu Bakar dengan tumpuan kepada nama kitab, bidang penulisan, bahasa yang digunakan, penerbit (jika ada), telah dicetak ataupun masih dalam bentuk manuskrip yang dibuat salinan fotokopi, bilangan muka surat, tahun ditulis, tahun diterbitkan (jika ada) dan akhir sekali sinopsis kitab atau manuskrip.

Penyelidik akan mulakan kajian terhadap karya akidah lebih dahulu kerana jumlahnya yang paling banyak (13 buah). Tambahan pula ia adalah fokus utama kajian ini. Kemudian disusuli dengan karya tasawuf (9 buah), karya feqah (7 buah) sirah (5 buah) dan hadith(3 buah).

### 3.1 Karya Usuluddin / Akidah

Penulisan dalam bidang akidah merupakan penulisan yang paling digemari oleh Abu Bakar kerana menurut beliau, “ulama salaf bertekun mereka dalam karang mengarang ilmu tauhid [bagi] membetul mereka akan [orang] awam”<sup>24</sup> Apabila betul akidahnya, betullah pula amalan hidupnya dan tetap teguhlah seseorang itu di atas jalan yang benar. Begitulah akibat sebaliknya<sup>25</sup>.”

Penekanan Abu Bakar terhadap karya akidah berbanding dengan karya-karya dalam bidang lain dapat dibuktikan dengan penghasilan sekurang-kurangnya 13 buah kitab yang berkaitan dengan akidah berbanding bidang-bidang yang lain. Di bawah ini penyelidik catatkan secara ringkas maklumat mengenai karya akidah Abu Bakar.

---

<sup>24</sup> Abu Bakar (t.t), *Sahl al-Murid*, manuskrip, hlm. 4

<sup>25</sup> Mohammad Nor b. Ibrahim *et.al.*, (1987) *Mustika Hadith Rasulullah s.a.w (Jilid 1)*, Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM, hlm. 10

*Kitāb al-Wahīd fī Bayān ‘Ilm al-Tawhīd*, ditulis dalam bahasa Melayu telah selesai dikarang pada malam Selasa 16 Jamād al-Akhīr 1390H bersamaan 1970M, merupakan hasil karya pertama yang dihasilkan oleh Abu Bakar. Kitab ini telah diterbitkan oleh Kaum Muslimat Madrasah Nur Islam Ayer Hitam. Ia dicetak oleh percetakan The United Press, Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, tidak dinyatakan tahun diterbitkan. Naskah ini mengandungi 88 muka surat sahaja.

Di antara keistimewaan kitab ini ialah gaya pembentangan dalam bentuk soal jawab. Kitab ini dimulakan dengan penjelasan hukum akal dan seterusnya membahaskan sifat dua puluh secara terperinci dan diakhiri dengan satu kesimpulan yang mantap. Seterusnya dibahaskan sifat harus bagi Allah termasuk persoalan melihat Allah.

Selain itu, kitab *al-Wahīd* juga membincangkan perkara yang bersangkutan dengan kerasulan seperti sifat wajib dan harus bagi rasul. Dibahaskan juga mukjizat dan karamah secara terperinci termasuk akhlak dan sifat-sifat terpuji, sifat fizikal, dan keturunan Rasulullah. Turut dimuatkan kisah Israk dan Mikraj dan juga persoalan keutamaan antara empat orang sahabat nabi iaitu Abu Bakar, Umar, Othman dan Ali.

Seterusnya Abu Bakar membahaskan mengenai malaikat, tanda-tanda kiamat, soal mungkar dan nakir, nikmat dan azab kubur, peristiwa kiamat, neraka dan syurga. Abu Bakar mengakhiri kitab ini dengan penegasan yang panjang mengenai kelebihan ilmu tauhid.

Kitab *Tawhīd al-Abrār bi Syarḥ Nuzūm Muḥammad al-Bisyār*, adalah huraian sebuah kitab *nuzūm* karangan Muḥammad Bisyār al-Mālikī. Kitab *nuzūm* ini asalnya mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama membicarakan akidah, manakala bahagian kedua membicarakan fekah Mazhab Maliki. Abu Bakar hanya menterjemah dan menghuraikan bahagian akidah sahaja. Kitab ini mula ditulis pada petang 27 Ramaḍan 1395H / 3 Oktober 1975 dan selesai ditulis pada malam Jumaat 3 Dhū al-Qa‘dah 1395H / 7 November 1975. Kitab setebal 87 muka surat ini sudahpun dicetak tetapi tidak dinyatakan pencetak, penerbit dan tahun diterbitkan.

Perbahasan *Kitāb Tawhīd al-Abrār* dimulakan dengan ma‘rifah Allah. Seterusnya dibicarakan sifat-sifat Allah seperti sifat *nafsīyyah* (1), sifat *salbīyyah* (5), sifat *ma‘āni* (7) dan sifat *ma‘nawīyyah* (7) yang semuanya berjumlah dua puluh sifat atau dikenali dengan sifat dua puluh. Turut dibahaskan ialah masalah takwil<sup>26</sup> ayat *mutasyābihah* antara salaf dan Asyā‘irah.

Selain itu, kitab ini juga membahaskan persoalan kerasulan iaitu sifat-sifat yang wajib bagi rasul serta mukjizat-mukjizat mereka. Abu Bakar juga membahaskan permasalahan malaikat, kitab dan proses yang akan dilalui oleh manusia semasa di Mahsyar nanti. Perbahasan ini merangkumi tanda-tanda Kiamat, melihat Allah, syafaat, keutamaan dan kedudukan antara nabi-nabi, antara sahabat-sahabat, antara perempuan muslimah, kurun terbaik, nikmat syurga dan azab neraka. Akhir

---

<sup>26</sup> Takwil dari segi bahasa bererti *al-Rujū‘* iaitu kembali. Dari segi istilah atau terminologi pertama: *Tafsīr al-Kalām* iaitu mentafsirkan makna yang diinginkan oleh seseorang pembicara dari ucapannya, baik sesuai dengan zahirnya maupun bertentangan. Kedua, *Ḥaqīqat al-Kalām al-Khārījīyyah* iaitu dengan menzahirkan maksud seseorang pembicara dari lisannya kepada sesuatu yang membenarkannya pada kenyataan. Lihat: al-Buraikan, (2000) *Pengantar Studi Aqidah Islam*, Ter. Muhammad Anis Matta. Jakarta : Rabbani Press dan Al-Manar, hlm. 46

sekali dijelaskan riwayat imam-imam mazhab, wali-wali Allah, dan juga penjelasan mengenai nabi dan bukan nabi dari kalangan orang yang soleh seperti Iskandar Dhū al-Qarnāin, Luqman dan lain-lain.

Kitab *Tawḍīh al-Afhām bi Syarḥ 'Aqīdat al-'Awwām*, setebal 109 muka surat mula ditulis pada hari Ahad 7 Dhū al-Qa'edah 1401/ 6 September 1981 dan selesai pada petang Selasa 22 Dhū al-Hijjah 1401/20 Oktober 1981. Kitab ini telah dicetak oleh The United Press, Pulau Pinang tetapi tidak dinyatakan penerbitnya. Kitab ini merupakan huraian bagi *nazam* Aḥmad Marzūqi. Kitab ini agak berbeza daripada karya-karya akidah Abu Bakar yang lain kerana huraian *nazam* ini disertakan dengan dalil naqli yang banyak, seolah-olah akidah dihurai dengan al-Qur'an dan al-Hadith.

Kitab ini dimulakan dengan perbincangan mengenai sahabat dan tabiin serta pembahagian bid'ah. Kemudian diikuti dengan perbincangan sifat-sifat wajib dan harus bagi Allah secara terperinci. Kemudian dibahaskan persoalan kerasulan yang menyentuh sifat wajib dan harus bagi para rasul, mukjizat, salawat, syafaat dan seumpamanya. Turut disentuh ialah persoalan malaikat, kitab dan Hari Akhirat. Pada akhir kitab ini dijelaskan sirah kelahiran Rasulullah, zaman kerasulan hingga kepada kewafatan baginda. Seterusnya dijelaskan tujuh orang anak Rasulullah, isteri-isteri, bapa-bapa saudara secara terperinci. Akhir sekali dihuraikan kisah Israk Mikraj serta persoalan melihat Allah. Tulisan pada bahagian akhir kitab ini lebih mirip kepada penulisan sirah.

Kitab *al-Fatḥ al-Rabbāni Syarḥ Bakūrah al-Amāli*, masih dalam bentuk fotostat setebal 58 muka surat. Karya ini mula ditulis pada 7 Rabi' al-Awwal 1410H / 6 November 1989 dan tamat pada malam Jumaat 25 Rabi' al-Akhīr 1410H / 24 Disember 1989. Kitab ini adalah huraian *matan* kitab *Bakūrah al-Amāli* oleh Ismail Faḡani yang lebih dikenali dengan Pak De 'Ei'<sup>27</sup>.

Kitab ini menghuraikan dua kalimah tauhid atau *syahādātāin* yang wajib dipelajari dan diiktikadkan oleh orang mukallaf. Perbahasan dimulakan dengan hukum akal dan seterusnya dihuraikan sifat dua puluh secara mendalam. Kemudian dijelaskan pula sifat harus bagi Allah secara panjang lebar dengan disertakan nota kaki yang panjang. Seterusnya dibahaskan persoalan kerasulan yang menyentuh sifat wajib, mustahil dan harus bagi rasul. Pada bahagian akhir kitab ini, Abu Bakar telah menambah beberapa huraian yang agak panjang (18 muka surat) yang menyentuh "empat belas faedah" antaranya bilangan nabi, mukjizat, keturunan, akhlak dan lain-lain.

Kitab *Jam' al-Lāli bi Tawḏīḥ Manzūmah Bad' al-Amāli*, merupakan terjemahan dan huraian bagi *nazam*<sup>28</sup> (bait atau rangkap syair) Abū al-Hasan Sirāj al-Dīn 'Alī bin 'Uthmān al-'Auṣī al-Hanafī al-Māturīdi. Kitab akidah berbahasa Melayu ini mula ditulis pada pagi Isnin 21 Jamād al-Awwal 1416H / 17 Oktober 1990 dan tamat pada pagi Rabu 30 Jamād al-Awwal 1416H / 25 Oktober 1990. Kitab setebal 29 muka surat ini masih dalam bentuk fotokopi.

---

<sup>27</sup> Agak sukar untuk menulis sebutan nama tersebut. Penyelidik meminjam ejaan Wan Mohd. Shaghir. Lihat: Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1998), *op.cit*, hlm. 100

<sup>28</sup> Abu Bakar menterjemahkan *nazam* sebagai pantun.

Kitab ini yang ditulis dalam bentuk *nazam*, merupakan salah sebuah kitab karangan seorang ulama aliran al-Māturīdiyyah. Pemilihan Abu Bakar untuk menghuraikan kitab ini menunjukkan sifat berlapang dada beliau dengan aliran al-Māturīdiyyah. Namun begitu, Abu Bakar pada sesetengah tempat membandingkan sedikit perbezaan antara fahaman 'Asyā'irah dan Māturīdiyyah.

Secara umumnya kitab ini membicarakan kesempurnaan sifat-sifat Allah. Di antara sifat-sifat kesempurnaan Allah ialah wujudNya tidak berpihak (*jihah*), bukan *jāwhar*, *jisim* ataupun *'araḍ*. Turut dibincangkan ialah persoalan melihat Allah di Hari Akhirat kelak.

Kitab ini juga membahaskan perkara yang berkaitan dengan malaikat dan para rasul, keutamaan para sahabat dan isteri-isteri serta anak-anak perempuan Rasulullah. Turut dibahaskan ialah persoalan yang bersangkutan dengan iman dan kufur serta Alam Akhirat. Pada akhir kitab ini, dilampirkan senarai nama 12 orang isteri nabi yang telah disetubuhi dan 12 orang lagi isteri nabi yang belum disetubuhi.

Kitab *Syarḥ al-'Aqīdah Pada Huraian Nazām al-Jawharah*. Kitab setebal 75 muka surat ini masih dalam bentuk fotokopi dan bertulisan tangan. Karya ini selesai ditulis antara Zohor dan Asar pada hari Sabtu 24 Rejab 1411/ 9 Februari 1991, manakala masa yang diambil untuk menyiapkan huraian ini ialah selama lebih kurang satu setengah bulan.



Kitab ini merupakan huraian *naẓam Jawharah al-Tawḥīd*. Kitab ini mempunyai kelainan berbanding dengan karya-karya akidah Abu Bakar yang lain kerana hampir keseluruhan kitab ini dihuraikan dengan dalil naqli. Perbincangan kitab ini dimulakan dengan menjelaskan kepentingan ilmu tauhid dan sedikit sejarah penulisan akidah oleh ulama mutakaddimin. Seterusnya dibahaskan “awal agama ialah ma‘rifah Allah”. Seterusnya dibahaskan permasalahan iman bertambah (penuh) dan berkurang (luak). Kemudian dihuraikan sifat dua puluh termasuk *ta‘alluk* sifat-sifat ma‘ani secara terperinci. Turut dibahaskan sifat harus bagi Allah.

Selain itu, Abu Bakar secara ringkas membahaskan persoalan usaha atau ikhtiar manusia, *ṣolāḥ*(baik) dan *aṣlah*(lebih baik), qadak dan qadar, *ru‘yah Allāh* atau melihat Allah di Hari Akhirat nanti. Seterusnya dibahaskan pengutusan rasul serta sifat-sifat wajib dan harus bagi mereka, susunan keutamaan dan kemuliaan di antara makhluk-makhluk Allah seperti malaikat, manusia dan lain-lain. Selain itu, dibahaskan mukjizat, syariat Nabi Muhammad, Israk Mikraj, keutamaan antara para sahabat Rasulullah, peperangan yang berlaku antara sahabat, karamah wali, Malaikat Raqib dan ‘Atid, mati, persoalan roh, soalan mungkar nakir di dalam kubur, hisab, huru hara Mahsyar, menerima suratan amal, mizan, arasy, kursi, qalam, luh mahfuz, syurga dan neraka, kolam, syafaat, keampunan Allah, azab orang yang berdosa besar, nikmat syuhada dan seterusnya pembahagian dosa kecil dan besar. Selanjutnya Abu Bakar membincangkan persoalan *imāmah* seperti berkewajipan melantik imam yang adil, melakukan amar makruf nahi mungkar. Kitab ini diakhiri dengan suatu petikan dari kitab *Ṭabaqāt al-Syāfi‘īyyah*.

Kitab *Bidāyat al-‘Ābidīn Hiya Ma‘rifah Allāh Rabb al-‘Ālamīn*, diterbitkan oleh Pustaka Darussalam, Alor Setar dalam bentuk fotokopi dan masih dalam bentuk tulisan tangan. Tahun penerbitan tidak dinyatakan. Kitab ini selesai ditulis pada malam Isnin selepas Isyak pada 9 Rabi’ al-Akhīr 1413H / 5 Oktober 1992. Karya ini setebal 54 muka surat sahaja.

Kitab ini membicarakan *ma‘rifah* Allah secara pendekatan tasawuf. Perbincangan banyak disertakan dengan ungkapan-ungkapan indah daripada ahli sufi seperti Malik bin Dinār, Abū Madyan, Dhū al-Nūn, ‘Abd al-Qādir al-Jilāni dan lain-lain. Di antara perkara yang disentuh ialah *musyāhadah Allāh* sehingga sampai kepada maqam *fana’ fi Allāh, baqa’ bi Allāh*’.

Kitab *Bidāyah al-‘Ābidīn* ini telah keluar dari pendekatan sifat dua puluh sebaliknya menggunakan pendekatan tasawuf. Banyak kisah teladan daripada ahli sufi dimuatkan dalam karya ini. Tidak keterlaluan jika dikatakan kitab ini mirip kepada kitab tasawuf. Pada akhir kitab ini, Abu Bakar menggariskan lapan bentuk tipu daya syaitan yang perlu diingati oleh para *‘ābidīn* di jalan Allah.

Kitab *Terjemah al-Fiqh al-Akbar* merupakan terjemahan dan ulasan matan *al-Fiqh al-Akbar* yang ditulis oleh Abū Hanīfah al-Kūfī. Naskah yang dikaji ini masih dalam bentuk fotokopi bertulisan tangan. Kitab setebal 48 muka surat ini ditulis oleh Abu Bakar semasa beruzlah di di Pulau Langkawi. Kitab ini mula ditulis selepas Zohor pada hari Ahad 25 Sya’bān 1414H / 6 Februari 1994 dan selesai ditulis selepas Asar hari Khamis 13 Ramaḍān 1414H.

Abu Bakar telah menghurai secara panjang lebar kitab ini dengan mengemukakan beberapa pendapat ulama terutamanya ulama sufi seperti Junaid al-Bagdadi, Muhyi al-Din al-'Arabi, Sahl bin Abd Allah dan lain-lain tokoh sufi bertujuan menjelaskan lagi matan *al-Fiqh al-Akbar*. Antara perbincangan kitab ini ialah beriman dengan Allah, malaikat, kitab, rasul, hari kiamat, qadqad dan qadar, hisab, timbangan, syurga dan neraka.

Kitab ini turut membahaskan sifat-sifat *dhātīyyah*<sup>29</sup> atau sifat *ma'āni*. Selanjutnya membincangkan sifat *fi'li* atau *takwīn*. Sementara itu, perbincangan kalam Allah menjadi persoalan utama yang menyentuh sifat-sifat *musyābahah* atau penyerupaan. Demikian juga dibahaskan qadqad dan qadar serta *af'āl al-'Ibād* atau perbuatan hamba.

Abu Bakar seterusnya membahaskan kemaksuman para rasul, keutamaan (*afdal*) antara sahabat-sahabat yang empat dan larangan mengkafirkan orang yang melakukan dosa besar. Turut dibahaskan mukjizat, karamah dan *istidrāj*. Selain itu, kitab ini turut membahaskan hakikat iman dan Islam, syafaat, timbangan, soalan Mungkar dan Nakir, al-Qur'an dan zikir, Israk Mikraj dan tanda-tanda kiamat. Pada akhir kitab ini, Abu Bakar membawa beberapa pendapat dan pandangan ahli falsafah moden mengenai kewujudan Tuhan seperti Decartes, Newton, Herbert Spencer, Kant dan lain-lain lagi.

Kitab *Syarḥ al-'Aqīdah al-Ṣaḥīḥah fī Bayān al-Firqah al-Nājiyah*, merupakan terjemahan dan huraian karya 'Add al-Dīn al-Asy'arī. Bagi Abu Bakar, kitab

---

<sup>29</sup> Perbezaan istilah antara ulama Salaf dan Asy'arah. Ulama Salaf menggunakan istilah sifat *dhātīyyah* manakala ulama Asy'arah menggunakan istilah sifat *ma'āni*. Kedua-duanya membawa maksud yang sama.

tauhid ini adalah kitab yang “sebaik-baiknya”; ringkas tetapi lengkap pada akidah mazhab Abū Hasan al-Asy‘āri. Kitab ini tiada penerbit dan naskah yang dikaji adalah dalam bentuk fotokopi bertulisan tangan setebal 42 muka surat. Kitab ini mula ditulis pada hari Ahad 25 Dhū al-Hijjah 1414H / 5 Jun 1994 dan selesai pada subuh hari Jumaat 7 Muharram 1415H/ 17 Jun 1994.

Kitab ini menjelaskan fahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah. Abu Bakar membandingkan fahaman Ahl al-Sunnah dengan aliran-aliran yang lain seperti Jabarīyyah, Qadarīyyah, Jahmīyyah dan lain-lain. Seterusnya Abu Bakar menolak fahaman yang bercanggah dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jamā‘ah.

Kitab *Sahl al-Murūd bi Syarḥ Qawā‘id al-‘Aqā‘id* adalah karya terjemahan dan ulasan terhadap kitab *Qawā‘id al-‘Aqā‘id* karya Imam al-Ghazali. Ia mula ditulis pada hari Rabu 12 Jamādi al-Akhīr 1415H / 15 November 1994 dan selesai ditulis pada 21 Jamādi al-Akhīr / 26 November 1994. Tiada penerbit dan naskah yang dikaji masih dalam bentuk fotostat. Kitab setebal 34 muka surat ini mengambil masa sepuluh hari untuk disiapkan.

Kitab ini membicarakan dua kalimah syahadah yang dimulakan dengan perbincangan mengenai *tanzīh* (suci) Allah daripada penyerupaan dengan makhluk. Allah bukan *jāwhar* (Dhāt yang boleh disukat), bukan *jism* (Dhāt yang boleh dirupa) dan bukan juga *‘arad*. Antara yang turut dibahaskan ialah Allah bersemayam di atas ‘Arasy dan persoalan melihat Allah di Hari Akhirat. Abu Bakar kemudiannya menghuraikan perbincangan sifat-sifat *ma‘āni* seperti *qudrah*, *‘ilm*, *hayāt*, *irādah*, *sama’* dan *baṣar* secara mendalam. Turut dibahaskan *af‘āl*

dan sifat harus bagi Allah secara panjang lebar. Misalnya “haruskah bagi Allah memasukkan orang mukmin ke dalam neraka dan orang fasiq ke dalam syurga?”.

Selain ketuhanan, Abu Bakar membahaskan syahadah kedua atau persoalan kerasulan. Kemudian dibahaskan pula persoalan Alam Akhirat seperti *hisāb*, *mīzān*, *hāud*, *syafā’ah* serta keutamaan empat orang sahabat Rasulullah iaitu Abū Bakr, ‘Umar, ‘Uthman dan ‘Alī. Akhir sekali Abu Bakar menyeru kaum muslimin supaya berbaik sangka dengan para sahabat.

Kitab *Sabīl al-I’tiqādiyyāh bi Syarḥ Risālah al-Qudsīyyah* setebal 35 muka surat sahaja dan masih dalam bentuk fotokopi bertulisan tangan. Namun begitu, tulisan *khaṭ* pada kitab ini cukup kemas dan cantik jika dibandingkan dengan tulisan Abu Bakar pada karya-karya yang lain.

Kitab ini adalah huraian bagi kitab *Risālah al-Qudsīyyah* karangan al-Ghazālī. Huraianya dibahagikan kepada 4 rukun. Setiap rukun ada 10 asal. Rukun pertama membahaskan *dhāt* Allah, rukun kedua sifat-sifat Allah, rukun ketiga perbuatan Allah dan rukun keempat perkara *sam’iyyāt*. Pada akhir kitab ini dimuatkan senarai kitab-kitab yang telah dihasilkan oleh beliau dalam hampir kesemua bidang sebanyak 35 buah buku. Penyelidik berjaya mengesan kebanyakan daripada 40 buah karya Abu Bakar berdasarkan catatan pada akhir kitab ini.

Sementara itu, terdapat dua buah kitab akidah karangan Abu Bakar yang tidak dapat dikesan oleh penyelidik. Judul kitab-kitab itu hanya diperolehi melalui

catatan yang terdapat dalam kitab *Sq̣bīl al-I'tiqādiyyāh*. Dua buah kitab yang dimaksudkan ialah kitab *al-Da'iy li Salām fi 'Aqā'id Ahl al-Islām* dan kitab *Syarḥ 'Aqīdah al-Ṭahāwīyyah*.

Hasil penelitian terhadap karya-karya usuluddin Abu Bakar menunjukkan bahawa perbincangan akidah beliau berkisar pada sifat dua puluh (*twenty attributes*) seperti juga karya-karya ulama Alam Melayu yang lain. Selain itu, Abu Bakar turut membuat analisis dan kritikan terhadap beberapa pendapat ulama lain yang dianggap bercanggah dengan fahaman Ahl al-Sunnah yang sebenar. Beliau telah menghuraikan sifat dua puluh ini dengan mendalam<sup>30</sup> walaupun beliau mendakwa kupasannya hanyalah secara sederhana sahaja<sup>31</sup>.

### 3.2 Karya Tasawuf

Selain karya akidah, Abu Bakar turut berkarya dalam bidang tasawuf. Perbincangan tasawuf Abu Bakar adalah pendekatan tasawuf sunni yang berkisar pada sifat *maḥmūdah* dan *madhmūmah*. Selain itu, beliau turut membicarakan cara memperbaiki ibadat, membersihkan hati dan membentuk akhlak yang baik. Abu Bakar turut menjelaskan tipu daya hawa nafsu dan syaitan. Abu Bakar telah menghasilkan sekurang-kurangnya 9 buah karya tasawuf. Maklumat ringkas mengenai karya-karya tersebut adalah seperti berikut:

*Risālat al-Nūr* setebal 89 muka surat telah dicetak oleh Percetakan Siaran, Alor Setar. Walau bagaimanapun, kitab ini tidak dinyatakan penerbitnya. Karya ini

---

<sup>30</sup> Shukri Ahmad (2001), *op.cit*, hlm. 106

<sup>31</sup> Penyelidik akan memperincikannya dalam bab 3 nanti.

mula ditulis pada petang Ahad 29 Rabi' al-Akhīr 1393H / 29 Julai 1973 dan tamat pada malam Ahad selepas Maghrib 26 Ramaḍan 1393H / 23 September 1973.

Abu Bakar dengan rendah diri menganggap kitab ini hanya sebagai “kamus tasawuf” sahaja kerana beliau bukan ahli sufi. Kitab ini menghuraikan beberapa bab seperti *ma'rifah*, *yaqīn*, *istiqāmah*, *syukr*, *ṣidq*, *ḥurrīyyah*, *tāwbah*, *dhikr al-Maut* dan lain-lain lagi.

Kitab *al-Mudhākarah ma'a al-Ikhwān wa al-Muḥādasah ma'a al-Aṣḥāb al-Rāghibīn fi Fanni al-'Urfān*. Abu Bakar mula menulis kitab ini pada hari Ahad 22 Rejab 1410 / 18 Februari 1990 dan selesai pada 12 Sya'bān 1410 / 9 Mac 1990. Ia masih dalam bentuk fotokopi bertulisan tangan dan tidak penerbit. Kitab setebal 57 muka surat ini membicarakan sifat-sifat *maḥmūdah*.

Kitab *Risālat Qut al-Sālikīn ilā Allāh Rabb al-'Ālamīn*, masih dalam bentuk fotokopi bertulisan tangan, mengandungi 54 muka surat. Kitab ini selesai ditulis pada waktu Asar hari Ahad 7 Muharram 1414H / 27 Jun 1993 tetapi tidak dinyatakan bila karya ini mula ditulis. Pokok perbicaraannya ialah cara membersihkan hati dan membentuk perangai atau akhlak yang baik.

Kitab *al-Kasyf wa Tabayīn fi Ghurūr al-Khalqī Ajma'īn* adalah sebuah terjemahan kitab karangan Imam al-Ghazali. Kitab setebal 21 muka surat ini masih dalam bentuk fotokopi bertulisan tangan. Ia mula dikarang selepas Zohor hari Ahad 29 Rejab 1415H / 1 Januari 1995 dan selesai pada waktu ḍuha, Khamis 3 Sya'bān 1415H / 5 Januari 1995. Tiada maklumat mengenai penerbit kitab ini. Kitab

tasawuf ini diletakkan oleh Abu Bakar dalam suatu kategori yang dinamakan “*al-Wā'id wa al-Naṣīḥah*”<sup>32</sup>. Kandungannya membicarakan mengenai tipu daya hawa nafsu dan syaitan:

Kitab *Hikām Ibn Madyān*, setebal 232 muka surat merupakan salah satu daripada tiga buah hasil karya Abu Bakar yang melebihi 200 muka surat. Karya ini masih dalam bentuk fotokopi bertulisan tangan dan tiada penerbit. Karya ini agak berlainan daripada karya-karya beliau yang lain kerana tidak dinyatakan tahun ditulis. Kitab ini merupakan terjemahan dan huraian *Kitab Hikām* yang ditulis oleh Ibn Madyān Syu'āyb al-Maghribī at-Tilimsāni. Ia membicarakan secara panjang lebar persoalan memperbaiki akidah iman dan memperelok ibadat.

Kitab *Irsyād al-Muta'abbidīn* diterbitkan oleh Pustaka Darussalam, Alor Setar tetapi masih dalam bentuk tulisan tangan. Kitab tasawuf setebal 59 muka surat ini tidak menyatakan bila ditulis dan diterbitkan. Kandungannya menyentuh ilmu tasawuf secara ringkas, sifat-sifat *maḥmūdah* dan beberapa tata kehidupan seperti adab berpakaian, makanan, nikmat dan lain-lain.

Selain itu, terdapat 3 buah lagi karya beliau dalam bidang tasawuf yang tidak dapat ditemui naskahnya. Penyelidik hanya mengesan kewujudan karya tersebut daripada catatan yang ditulis oleh Abu Bakar pada muka surat akhir kitab *Sabīl al-'Iṭiqādiyyāh bi Syarḥ Risālah al-Qudsīyyah* pada catatan “al-Kutub li al-Muallif”. Kitab yang dimaksudkan ialah *Bidayat al-'Ābidīn*, *Terjemahan Hikam Ibn 'Aṭa Allāh* dan *Terjemahan Kitab Ayyuhā al-Walād*

---

<sup>32</sup> Lihat: Abu Bakar (t.t), *Sabīl al-'Iṭiqādiyyāh*, manuskrip, hlm. 36



Meneliti karya tasawuf Abu Bakar, jelas menunjukkan beliau adalah seorang yang berpegang dengan “*tasawuf Sunni*” dan menolak “*tasawuf falsafi*”. Oleh itu, sesiapa yang membaca karya tasawuf Abu Bakar, seolah-olah mereka menatap karangan Imam al-Ghazali. Beliau boleh digolongkan sebagai salah seorang yang meneruskan *neo-sufisme* al-Ghazali di Alam Melayu<sup>33</sup>.

### 3.3 Karya Fekah

Bidang fekah juga menjadi tumpuan karya Abu Bakar. Sekurang-kurangnya 7 buah kitab mengenai fekah telah dihasilkan oleh beliau. Abu Bakar selalu menggabungkan antara karya fekah dan tasawuf dalam sebuah kitab sebagaimana yang dilakukan oleh al-Ghazali dalam kitab *Ihyā’ ‘Ulūm al-Dīn*. Misalnya kitab *Tadhkirat al-Nāsyi’īn* (221 muka surat) dan *I’ānat al-Muṣallī* (92 muka surat) yang menggabungkan fekah dan tasawuf<sup>34</sup>. Di antara karya-karya beliau dalam bidang fekah ialah:

Kitab *I’ānat al-Muṣallī*, setebal 92 muka surat ini dicetak oleh The United Press, Pulau Pinang tetapi tiada maklumat penerbitnya. Karya ini mencakupi bidang fekah dan tasawuf. Kitab ini mula ditulis pada waktu ḍuha hari Khamis 27 Safar 1391H dan selesai pada waktu Asar hari Jumaat 23 Rabi’ al- Akhīr 1391H / 18 Jun 1971. Kitab ini membicarakan mengenai solat fardu dan solat-solat sunat. Kitab ini turut menjelaskan ilmu batin, penyakit-penyakit batin seperti riyā’, ‘ujūb, takabbur, tawbah, istighfar, raja’ dan munāfiq. Seterusnya dijelaskan pula faedah solat dan rahsia-rahsianya.

<sup>33</sup> Shukri Ahmad (2001), *op.cit.* hlm. 107-108

<sup>34</sup> Penyelidik kelompokkan kitab fekah dan tasawuf ini kedalam kelompok karya fekah kerana perbincangan fekah di dalam kitab tersebut lebih diutamakan.

Kitab *Tadhkirat al-Muṣalli* setebal 121 muka surat dicetak oleh The United Press, Pulau Pinang tetapi tidak dinyatakan penerbit. Kitab ini mula ditulis selepas waktu Asar hari Ahad 13 Ramaḍan 1397H / 28 Ogos 1977 dan selesai pada tengah malam Selasa 13 Syawal 1397H / 27 September 1977. Kandungannya ialah *taharah* atau bersuci, solat-solat wajib dan sunat, solat jamaah, zikir dan lain-lain.

Kitab *Tadhkirat al-Qādiyyāh*, mula ditulis pada 5 Disember 1982 dan siap pada 7 Mac 1983. Kitab setebal 100 muka surat ini membicarakan perihal sembahyang dan segala perkara yang bersangkutan dengannya secara terperinci. Selain itu, kitab ini turut membicarakan perihal mati, zakat, puasa, haji, ziarah ke Makkah dan Madinah, ibadat korban, akikah, perkahwinan, khitan, adab-adab minum dan adab-adab menyampaikan pelajaran kepada kanak-kanak. Perbahasan dalam dalam kitab ini ditulis cukup terperinci, mendalam dan menarik<sup>35</sup>.

Kitab *'Ibādat al-Nājiyah bi itbā' al-Sunnah Sayyid al-Khalq Ajma'in* dalam setebal 61 muka surat ini terdiri daripada 2 jilid. Naskah yang dikaji masih dalam bentuk fotokopi tulisan tangan. Kitab ini mula ditulis pada pagi Khamis 5 Jamād al-Awwal 1414H dan selesai pada hari Rabu 3 Jamād al-Akhīr 1414H / 17 November 1993. Kitab dua jilid ini membicarakan perihal solat minta hujan, solat gerhana, solat jenazah, zakat, fitrah, Ramaḍan, taraweh, puasa, haji dan lain-lain.

Kitab *Tadhkirāt al-Nāsyi'in* setebal 221 muka surat ini diletakkan oleh Abu Bakar dalam kategori "*al-Fiqh wa al-Tasawwuf*"<sup>36</sup> kerana ia menggabungkan bab

---

<sup>35</sup> Shukri Ahmad (2001), *op.cit.* hlm. 107

<sup>36</sup> Lihat: Abu Bakar (t.t), *Sabīl al-Ṭiqādiyyāh*, manuskrip, hlm. 36

fekah dan tasawuf dalam sebuah kitab. Perkara yang dibincangkan dalam kitab ini ialah sembahyang dan puasa. Seteruskan dibincangkan pula bab tasawuf<sup>37</sup>.

Selain 5 buah kitab fekah tersebut, terdapat 2 buah lagi karya fekah Abu Bakar yang tidak dapat dikesan naskahnya oleh penyelidik. Karya tersebut hanya diketahui namanya sahaja melalui catatan "*al-Kutūb li al-Mu'allif*" dalam kitab *Sabīl al-I'tiqādiyyāh bi Syarḥ Risālah al-Qudsīyyah*. Dua buah kitab yang dimaksudkan ialah *Kitab al-Tatimmah fi Ibādāt al-Ṣāum wa al-Ṣalāt* dan *Hidāyat al-Nāsik (bab haji)*

Karya-karya fekah Abu Bakar yang menggabungkan fekah dan tasawuf menunjukkan beliau tetap meneruskan tradisi ulama tradisional lain yang menggabungkan pendekatan syariat dengan tasawuf. Dengan itu dapat ditegaskan bahawa pemikiran Abu Bakar adalah berorientasikan pemikiran syariat sunni<sup>38</sup>.

### 3.4 Karya Sirah

Kewibawaan Abu Bakar dalam bidang sirah dan sejarah telah diakui umum oleh ulama sezaman dengannya seperti Tuan Guru Haji Zakaria Kubang Jawi, Tuan Guru Haji Ahmad Sungai Baru dan lain-lain. Turut mengakui kewibawaan Abu Bakar dalam bidang ini ialah Dr. Shukri Ahmad, pensyarah Universiti Utara Malaysia dan Ustaz Sayuti bin Romli<sup>39</sup> seorang pengetua berkelulusan Universiti al-Azhar. Begitu juga dengan bekas anak murid beliau yang juga telah menjadi ulama seperti Ustaz Abdul Samad Lebai Ismail.

<sup>37</sup> Shukri Ahmad (2001), *op.cit.* hlm. 107.

<sup>38</sup> Shukri Ahmad (2001), *ibid.* hlm. 100 & 107

<sup>39</sup> Temubual dengan Sayuti Romli pada 31 Mac 2004 di Sekolah Rendah al-Azhar, Jitra.

Abu Bakar dalam karya-karya sirah dan sejarah, selalu meriwayatkan cerita-cerita secara terperinci dan kadang-kadang jarang didengari atau ditemui kecuali dalam kitab-kitab sejarah yang besar seperti *Bidāyat wa al-Nihāyat* oleh Ibn Kathir. Di samping itu beliau juga menyebut sumber riwayat dan nama-nama orang yang terlibat dalam sesuatu peristiwa. Ini menampakkan nilai ilmiah yang tinggi.

Sekurang-kurangnya 5 buah karya sirah telah ditulis oleh Abu Bakar. Shukri Ahmad menemukan 3 buah<sup>40</sup> manakala penyelidik menemui 2 buah lagi karya sirah Abu Bakar iaitu *Nūr al-Şafa fi Akhbār al-MuŞtofa* dan *Qūt al-Muhtāj fi Qissah al-Isrā' wa al-Mi'rāj*". Ringkasan maklumat karya-karya berkenaan adalah seperti berikut:

Kitab *Nūr al-Şafa fi Akhbār al-MuŞtofa* setebal 129 muka surat ditulis pada waktu Subuh hari Khamis, 2 Ramađan 1402H / 24 Jun 1982 dan selesai ditulis pada hari Rabu selepas Asar 29 Ramađan 1402H / 21 Ogos 1982. Tidak dinyatakan bila dan siapa penerbitnya. Kitab ini membicarakan kisah hidup Nabi Muhammad s.a.w secara panjang lebar bermula dengan salasilah keturunannya, peperangan, perkahwinan, sakit sehinggalah kewafatan baginda. Pada akhir kitab ini dilampirkan ringkasan hidup Rasulullah.

*Busrā al-Labīb fi Bayān Sirah al-Ĥabīb* ditulis dalam dua jilid. Jilid pertama setebal 156 muka surat. Manakala jilid kedua pula setebal 64 muka surat sahaja. Ia masih dalam bentuk tulisan tangan. Abu Bakar tidak menyatakan bila kitab ini mula ditulis tetapi menyatakan kitab ini selesai ditulis pada malam Khamis 27

---

<sup>40</sup> Shukri Ahmad (2001), *op.cit.*, hlm. 108-109

Syawal 1412H / 30 April 1992. Kitab ini membicarakan sirah Rasulullah secara terperinci.

Kitab *Qut al-Muhtāj fi Qissah al-Isrā' wa al-Mi'rāj* telah dicetak oleh Percetakan Siaran, Alor Setar. Kitab setebal 39 muka surat ini tidak menyatakan maklumat penerbit dan tahun diterbitkan. Selain itu, Abu Bakar tidak menyatakan tarikh kitab ini ditulis seperti yang biasa dilakukan oleh beliau. Pada keseluruhannya kitab ini menceritakan kisah Israk dan Mikraj secara terperinci.

Kitab *Busyrā Lil-Bāit Bi Syamāil al-Habīb*. Tiada maklumat lanjut mengenai kitab ini. Nama kitab ini dirujuk pada tulisan Shukri. Beliau hanya menyebut nama kitab sahaja tanpa menjelaskan maklumat lanjut kitab ini<sup>41</sup>.

Kitab *Ilm Tārīkh al-Nabawī*. Nama kitab ini juga diperolehi daripada Shukri yang hanya menyebut nama kitab sahaja<sup>42</sup>.

Hasil penelitian terhadap karya sirah Abu Bakar menunjukkan beliau banyak merujuk kepada karya-karya ulama yang muktabar seperti *Bidāyat al-Nihāyat* oleh Ibn al-Athīr. Walau bagaimanapun, Abu Bakar secara tidak langsung menerima cerita Nur Muhammad<sup>43</sup>. Abu Bakar juga turut mengungkapkannya proses

---

<sup>41</sup> Shukri Ahmad (2001), *ibid.* hlm. 108-109

<sup>42</sup> *ibid.*, hlm. 108-109

<sup>43</sup> Lihat: Mahayudin Hj. Yahaya (1994), *op.cit.* hlm. 6. Menurut Teori Nur Muhammad (*al-Nur al-Muhammadi*), sebelum Allah menjadikan sesuatu, Dia (Allah) menjadikan Nur Muhammad terlebih dahulu. Daripada Nur Muhammadlah terjadi segala makhluk di langit dan di bumi termasuk malaikat, jin, manusia, laut, bumi, bintang, matahari, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya. Teori ini adalah teori Syiah yang menular dalam pemikiran orang Islam di Nusantara suatu masa dahulu. Lihat juga: Abdul Fatah Haron Ibrahim (1999). *Ahli Sunnah dan Wujudiah-Batiniah*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, hlm. 117-139

kelahiran Nabi Muhammad s.a.w bukan melalui saluran peranakan biasa (faraj) tetapi melalui belahan rusuk kiri ibunya, Aminah binti Abdul Wahab.

Sebenarnya pemikiran tradisional sirah seperti ini ditentang keras oleh sebilangan ulama Islam<sup>44</sup>. Mereka menyangkal kisah-kisah berkenaan dan mendakwa tiada nas al-Qur'an dan al-Hadith yang sahih menyokong kebenaran kisah tersebut<sup>45</sup>.

### 3.5 Karya Hadith

Selain diiktiraf oleh ulama sezaman dengannya sebagai seorang yang arif dalam bidang sirah, Abu Bakar juga dilihat mempunyai kehebatan dalam bidang hadith. Beliau selalu mengulas hadith semasa menyampaikan kuliah-kuliah beliau mengenai kedudukan sesuatu hadith sama ada *ṣaḥīḥ*, *da'if* atau *mardūd* (ditolak) yang digunakan oleh seseorang ulama dalam karya mereka.

Abu Bakar telah menghasilkan sekurang-kurangnya 3 buah karya hadith<sup>46</sup>. Selain daripada *Lubāb al-Ḥadīth* dan *Miṣbāḥ al-Zalām*, penyelidik menemui sebuah lagi kitab hadith susunan Abu Bakar iaitu *Arba'īn li al-Nabhānīyyah*. Namun begitu Abu Bakar dipercayai mengarang sebuah lagi kitab hadith atas permintaan muridnya Ustaz Abdul Samad b. Lebai Ismail. Kitab ini dikatakan kitab terakhir

---

<sup>44</sup> Nama lain yang diberikan oleh para sarjana terhadap golongan ini ialah Kaum Muda, Reformis, atau Modenis. Matlamat mereka adalah untuk mengembalikan kemurnian Islam dengan membuang fahaman tahayul dan khurafat. Antara tokoh mereka adalah Syed Sycikh al-Hādi. Golongan ini mendapat pengaruh dari Timur Tengah khususnya pemikiran Jamaluddin al-Afghāni dan Muhammad 'Abdūh. Lihat: Shukri Ahmad (2001), *op.cit.*, hlm. 129-130

<sup>45</sup> Shukri Ahmad (2001), *ibid.*, hlm. 108-109

<sup>46</sup> *ibid.*, hlm. 109. Beliau hanya menyebut 2 buah karya hadith sahaja.

karangan beliau<sup>47</sup> tetapi tidak diketahui nama dan isi kandungannya. Ringkasan karya hadith Abu Bakar adalah seperti berikut:

Kitab *Lubāb al-Hadīth* setebal 186 muka surat ditulis pada 1384H/1974M. Ia merupakan himpunan hadith Qudsi dan hadith Nabawi dalam masalah fekah dan tasawuf. Kebanyakan hadith dalam kitab ini dikutip daripada karangan ‘Abd al-Ra’ūf al-Sannawi, *Kitab Fath al-Kabīr, al-Jamī’ al-Saghīr* karangan Jalāl al-Dīn al-Suyūti dan Kitab *Riyād al-Ṣāliḥīn* karangan al-Nawāwī<sup>48</sup>.

Kitab *Miṣbāh al-Zalām wa Bahjat al-Anām* pula telah dicetak oleh The United Press, Pulau Pinang dan mengandungi 262 muka surat. Kitab ini dipercayai karya yang paling tebal dihasilkan oleh Abu Bakar. Penerbit dan tahun diterbitkan tidak dinyatakan. Karya ini selesai ditulis pada 9 Rabī’ al-Akhīr 1406H / 21 Disember 1985 di Madrasah Nur Islam, Ayer Hitam, Kedah. Hadith-hadith dalam kitab ini disusun menggunakan kaedah abjad. Di bawah hadith yang dipaparkan diletakkan pula nota kaki bagi menerangkan kekuatan hadith dan huraianya. Kandungannya merangkumi hadith-hadith Qudsi dan hadith-hadith Nabawi.

Kitab *Arba’ūn li al-Nabhāniyyah* adalah terjemahan serta huraian hadith 40 yang dikumpulkan oleh al-Nabhāni. Karya ini masih dalam bentuk fotokopi bertulisan tangan. Kitab ini adalah karya Abu Bakar yang paling nipis, hanya 19 muka surat sahaja. Kitab ini mula ditulis pada malam Jumaat 27 Safar 1412H / 5 September 1991 di Pulau Langkawi. Ia mengandungi ulasan hadith 40 oleh al-Nabhāni.

---

<sup>47</sup> Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor, pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

<sup>48</sup> Shukri Ahmad (2001), *op.cit.* hlm. 109

Selain daripada karya-karya yang telah dinyatakan, Abu Bakar juga menulis 3 buah kitab yang lain. Penyelidik tidak dapat mengesan naskah-naskah tersebut tetapi memperolehi maklumat kewujudan karya tersebut melalui catatan Abu Bakar sendiri dalam kitab *Sabīl al-ʾIṭiqādiyyāh bi Syarḥ Risālah al-Qudsīyyah*. Kitab-kitab yang dimaksudkan ialah *Iqāz al-Qawāfil*<sup>49</sup> (tidak diketahui bidang) dan dua buah buku ilmu politik iaitu *Panduan Islam*<sup>50</sup> dan *Pancaran Islam*<sup>51</sup>

Demikianlah maklumat ringkas karya-karya Abu Bakar dalam pelbagai disiplin ilmu Islam. Dapat ditegaskan di sini bahawa Abu Bakar banyak memberi penumpuan dalam bidang akidah (13 buah) dan diikuti oleh bidang tasawuf (9 buah). Walau bagaimanapun, beliau lebih terkenal di kalangan anak muridnya sebagai seorang yang amat arif dalam bidang sirah<sup>52</sup> tetapi beliau hanya menulis 5 buah kitab sirah sahaja. Hasil daripada tinjauan<sup>53</sup> penyelidik mengenai kemasyhuran Abu Bakar dalam bidang sirah disebabkan beliau selalu membawakan kisah-kisah para rasul, sahabat, tabiin dan para wali yang jarang-jarang didengari semasa menyampaikan kuliah beliau. Oleh itu, tidak hairan jika Abu Bakar diiktiraf sebagai seorang yang arif dalam bidang sirah dan sejarah.

---

<sup>49</sup> Lihat: Abu Bakar (t.t), *Sabīl al-ʾIṭiqādiyyāh*, Manuskrip, hlm. 36. Dicatatkan pada nota ; belum cap (cetak). Tidak diketahui pengelasan bidang karya ini.

<sup>50</sup> *ibid*, hlm 36. Dicatatkan pada nota ; belum cap (cetak).

<sup>51</sup> Buku *Panduan Islam* dikesan pada catatan akhir kitab *Sabīl al-ʾIṭiqādiyyāh* tetapi tidak dinyatakan bidang penulisan. Manakala buku *Pancaran Islam* dikesan dalam artikel Shukri Ahmad (2001), *op.cit.* hlm. 104. Namun begitu, Shukri mengkelaskan kedua-dua buah buku tersebut sebagai karya dalam ilmu politik.

<sup>52</sup> Lihat: Shukri Ahmad (2001), *ibid*, hlm. 104

<sup>53</sup> Haji Mahyuddin Ahmad, Hajah Rahmah Mohd. Amin, En. Suberi Salleh, En. Mohammad Abdullah dan beberapa anak murid beliau yang lain.



#### 4.0 KESIMPULAN

Tidak keterlaluan jika dikatakan Abu Bakar merupakan salah seorang ulama di Alam Melayu abad ke-20 yang paling banyak menghasilkan karya walaupun tidak mengatasi hasil karya Daud al-Fatani (1131-1297H)<sup>54</sup>. Kenyataan ini dapat dijelaskan lagi dengan rumusan penghasilan karya oleh Abu Bakar mengikut pengkelasan bidang seperti jadual di bawah.

Jadual 2.2 : Pengkelasan Karya

Bil	Bidang	Jumlah
1	Usuluddin / Akidah / <i>Ilm al-Tawhīd</i>	13
2	Tasawuf / <i>Wā'iz</i> / Nasihat	9
3	Fekah	7
4	Sirah / <i>Ilm al-Tawārikh</i>	5
5	Hadith / <i>Ilm al-Ḥadīth</i>	3
6	Politik	2
7	Tidak dapat dikenalpasti bidang	1
	Jumlah Keseluruhan	40

Kesemua hasil karya Abu Bakar yang tidak kurang daripada 40 buah itu dihasilkan dalam jangka masa kurang dari 28 tahun<sup>55</sup>. Beliau telah menghabiskan kehidupannya dengan mengajar dan berkarya tanpa jemu. Bahkan beliau telah

<sup>54</sup> Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani telah menghasilkan sebanyak 66 buah kitab dalam pelbagai bidang seperti ilmu fekah, usuluddin, hadith, tasawuf, tarekat, aurad, azkar, doa, ilmu perubatan Islam dan lain-lain. Lihat: Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1996), "Riwayat Hidup Ringkas dan Hasil Karya Syeikh Daud al-Fatani" dlm. Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1990-1996), *Koleksi Kertas Kerja Ilmiah Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah, hlm. 6-20.

<sup>55</sup> Abu Bakar dikesan mula mengarang pada tahun 1970 melalui karya akidah iaitu *Kitāb al-Wahīd fī Bayān 'Ilm al-Tawhīd* (Lampiran B). Beliau meninggal pada tahun 1998. Hampir tiga tahun terakhir beliau tidak menghasilkan karya kerana diserang penyakit lumpuh yang akhirnya membawa kepada kematiannya.

mencetak hasil karya beliau dengan perbelanjaan dan urusan sendiri<sup>56</sup>. Kegigihan beliau berkarya dapat dilihat pada jumlah hasil karya yang dihasilkan dan masa yang diambil untuk menyiapkan sesuatu karya. Melalui catatan pada karya beliau, didapati masa yang diambil oleh Abu Bakar untuk menyiapkan sesebuah karya/kitab adalah singkat. Sebagai contoh, kitab *Jam' al-Lāli Bi Tawḍīḥ Manẓūmah Bada' al-Amālī* setebal 29 muka surat dapat disiapkan dalam masa 9 hari sahaja. Manakala kitab *al-Faṭḥ al-Rabbānī Syarḥ Bakūrah al-Amālī* setebal 58 muka surat dapat disiapkan dalam masa 48 hari sahaja. Manakala kitab tasawuf, *Risālah al-Nūr* setebal 89 muka surat dapat disiapkan dalam tempoh 57 hari atau kurang dari 2 bulan. Oleh itu, Abu Bakar boleh dikatakan seorang penulis yang prolifik dan produktif dalam penghasilan karya serta mempunyai ilmu yang luas dan mendalam.

Jika dilihat pada penghasilan penulisan mengikut tahun berdasarkan kepada 23 buah karya yang diteliti, jelas didapati Abu Bakar paling produktif pada masa akhir hayat beliau. Kenyataan ini dapat dilihat pada jadual di bawah.

Jadual 2.3 : Penghasilan Karya Mengikut Tahun

Tahun	Jumlah Karya
1970-an	5
1980-an	3
1990-an	12
Tidak dinyatakan	3
Jumlah	23

<sup>56</sup> Temuramah dengan Hajah Zainab bt. Mohd Noor pada 20 Oktober 2002 di rumah beliau, Pondok Ayer Hitam, Kedah.

Karya-karya yang dihasilkan oleh Abu Bakar adalah penerusan kepada karya-karya ulama Alam Melayu sebelumnya yang berkisar dalam bidang akidah, fekah, tasawuf, hadith, sirah dan politik. Bidang-bidang tersebut sudah banyak ditulis dan dikupas oleh ulama-ulama tradisional sebelum beliau. Sungguhpun begitu, Abu Bakar telah melakukan pendekatan-pendekatan baru atau memperincikan, memperjelas bahan-bahan yang ada dan menghubungkan dengan situasi dan lingkungan tertentu pada zamannya<sup>57</sup>.

---

<sup>57</sup> Shukri Ahmad (2001), *op.cit.* hlm. 105